

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2007**

---

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN DAN PELARASAN GAJI  
KENAIKAN PANGKAT**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat dan pelarasan gaji kenaikan pangkat pegawai dalam perkhidmatan awam.

**LATAR BELAKANG**

2. Peraturan semasa mengenai kaedah **menetapkan gaji permulaan kenaikan pangkat dan pelarasan gaji kenaikan pangkat** dinyatakan dalam Peraturan 42, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A) 176/2005], perenggan 71, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA(S)81/16/3-1/Klt.2/(17) bertarikh 7 Januari 1994. Prinsip yang digunakan dalam menetapkan gaji permulaan kenaikan pangkat pula adalah sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 42(1) [P.U.(A) 176/2005], iaitu **“gaji yang diterima oleh seseorang pegawai awam yang dinaikkan pangkat hendaklah lebih tinggi daripada gaji akhir yang diterima dalam gred terdahulu”**.

3. Di samping itu, peraturan semasa berikut juga dirujuk untuk menetapkan gaji permulaan kenaikan pangkat dan pelarasan gaji kenaikan pangkat apabila **tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat dikebelakangkan**, iaitu:

- 3.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1996; dan
- 3.2 Surat Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA SULIT/NP.134/KLT.9/(16) bertarikh 29 Oktober 2004.

4. Walau bagaimanapun berikutan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002, panduan mengenai kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat dan pelarasan gaji kenaikan pangkat sedia ada perlu diubahsuai. Pekeliling Perkhidmatan ini akan merangkumi semua isu yang berkaitan dengan kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat dan pelarasan gaji kenaikan pangkat yang disesuaikan dengan syarat dalam Sistem Saraan Malaysia.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN DAN PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT**

### **Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat**

5. Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat sebagaimana dinyatakan dalam peraturan 42(2) dan 42(3) P.U. (A) 176/2005, ialah pada **tarikh kenaikan pangkat dan berdasarkan gaji akhir yang diterima di gred terdahulu**, seperti kaedah berikut:

- 5.1 jika gaji akhir di gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat **dan perbezaan itu adalah sama dengan atau lebih daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu**, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada gaji minimum di gred kenaikan pangkat itu. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat menurut kaedah ini adalah seperti di **Lampiran A1**;

5.2 jika gaji akhir di gred terdahulu adalah **kurang daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat tetapi perbezaan itu adalah kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu**, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada matagaji di gred kenaikan pangkat selepas gaji minimum, supaya perbezaan antara gaji akhir di gred terdahulu dan gaji barunya di gred kenaikan pangkat adalah **sama atau tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulunya**. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat menurut kaedah ini adalah seperti di Lampiran A2; dan

5.3 jika gaji akhir di gred terdahulu **sama atau lebih tinggi daripada gaji minimum gred kenaikan pangkat**, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada satu matagaji lebih tinggi berhampiran dengan gaji akhir di gred terdahulu dan perbezaan antara gaji kenaikan pangkat dan gaji akhir di gred terdahulu **hendaklah sama atau tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu itu**. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat menurut kaedah ini adalah seperti di Lampiran A3;

6. Sekiranya selepas gaji permulaan kenaikan pangkat ditetapkan mengikut kaedah di **perenggan 5** di atas dan gaji akhir di gred terdahulu pegawai lebih tinggi daripada gaji maksimum di **Peringkat 1 (P1) gred kenaikan pangkat**, maka gaji permulaan kenaikan pangkat **hendaklah ditetapkan di Peringkat 2 (P2) berdasarkan prinsip kepada matagaji tertinggi berhampiran tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu**. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat menurut kaedah ini adalah seperti di Lampiran A4. Jika gaji maksimum di P2 masih rendah daripada gaji permulaan gred kenaikan pangkat yang sepatutnya, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diwujudkan gaji Khas Untuk Penyandang (KUP).

## **Kaedah Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat**

7. Kaedah pelarasan gaji kenaikan pangkat hendaklah dilaksanakan seperti kaedah berikut:

### **7.1 Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Daripada Tarikh Pergerakan Gaji di Gred Terdahulu**

- (a) Jika tarikh kenaikan pangkat seseorang pegawai **lebih awal daripada Tarikh Pergerakan Gaji di gred terdahulu** dalam satu tahun kalendar, gaji pegawai hendaklah diselaraskan dengan **diberi dahulu pergerakan gaji di gred terdahulu** pada tarikh kenaikan pangkat. Seterusnya gaji permulaan kenaikan pangkat hendaklah ditetapkan mengikut prinsip di **perenggan 5** di atas. Contoh kaedah pelarasan adalah seperti di **Lampiran B1 dan B2**.
  
- (b) Prinsip di **perenggan 7.1(a)** tidak terpakai kepada **pegawai yang telah berada di matagaji maksimum di P1 atau P2 gred lantikan atau di P1 gred kenaikan pangkat yang diluluskan Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulunya**. Begitu juga bagi pegawai yang telah berada di matagaji maksimum di P3 gred lantikan dan di P2 gred kenaikan pangkat. Contoh kaedah pelarasan adalah seperti di **Lampiran B3 dan B4**.

### **7.2 Tarikh Kenaikan Pangkat Sama Dengan Tarikh Pergerakan Gaji di Gred Terdahulu**

Jika seseorang pegawai dinaikkan pangkat pada **tarikh yang sama dengan Tarikh Pergerakan Gaji di gred terdahulu**, pergerakan gaji di gred terdahulu hendaklah diberi dahulu sebelum gaji permulaan di gred kenaikan pangkatnya ditetapkan tertakluk masih

ada ruang pergerakan gaji. Contoh kaedah pelarasan adalah seperti di **Lampiran B5**.

### **7.3 Tarikh Kenaikan Pangkat Selepas Tarikh Pergerakan Gaji di Gred Terdahulu**

Jika tarikh kenaikan pangkat berkuat kuasa selepas tarikh pergerakan gaji di gred terdahulunya, **tiada pergerakan gaji di gred terdahulu diberi pada tarikh kenaikan pangkatnya.**

Contoh kaedah pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran B6**.

### **Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat dan Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat Secara Dikebelakangkan**

8. Kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat dan pelarasan gaji kenaikan pangkat apabila tarikh kenaikan pangkat dikebelakangkan, adalah sama sebagaimana dijelaskan di **perenggan 5, 6 dan 7** di atas.

9. Pelarasan gaji di gred kenaikan pangkat hendaklah mengambil kira pergerakan gaji yang diluluskan di gred terdahulunya termasuk **amaun gaji** yang diterima berikutan Anjakan Gaji. Contoh kaedah pelarasan sebagaimana dijelaskan adalah seperti di **Lampiran C**. **Amaun yang boleh diambil kira untuk tujuan pelarasan ialah sehingga 31 Disember tahun berikutnya selepas tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat.**

### **KAEDAH MENGATASI KEKURANGAN GAJI BERIKUTAN TARIKH KENAIKAN PANGKAT YANG DIKEBELAKANGKAN**

10. Selepas penetapan gaji permulaan dan pelarasan gaji kenaikan pangkat dilaksana mengikut **perenggan 5 hingga 9** di atas, jika gaji di gred kenaikan pangkat lebih rendah daripada gaji di gred terdahulu, **gaji pegawai hendaklah diselaraskan kepada matagaji P1 di gred kenaikan pangkat, supaya gaji di gred kenaikan pangkat itu sama atau di mata tertinggi berhampiran dengan gaji di gred terdahulu.** Contoh kaedah pelarasan gaji tersebut adalah seperti di

**Lampiran D1.** Tempoh kekurangan gaji yang dialami oleh pegawai yang diambil kira untuk tujuan pelarasan ialah **sehingga 31 Disember tahun berikutnya selepas tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat.** Jika selepas pelarasan di P1, gaji atas gred terdahulu masih lebih tinggi daripada gaji di gred kenaikan pangkatnya, pelarasan gaji pegawai boleh dibuat di P2 seperti contoh di **Lampiran D2.** Jika gaji maksimum di P2 masih rendah dari gaji permulaan kenaikan pangkat, permohonan mewujudkan gaji KUP boleh dibuat sebagaimana kaedah di perenggan 6 di atas.

11. Bagi kes-kes surat penyiaran kenaikan pangkat dikeluarkan semasa Sistem Saraan Malaysia tetapi tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat dikebelakangkan semasa Sistem Saraan Baru penetapan gaji permulaan hendaklah seperti di **perenggan 5, 6 dan 7.** Oleh yang demikian, sekiranya setelah dibuat pelarasan gaji dan didapati gaji baru di gred kenaikan pangkat lebih rendah berbanding gaji di gred terdahulu, kekurangan gaji tersebut hendaklah diatasi dengan kaedah seperti di **perenggan 10.** Kaedah pelarasan hendaklah dilaksanakan sebagaimana contoh di **Lampiran E.**

#### **TARIKH KUAT KUASA**

12. Tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini adalah mulai 1 November 2002, iaitu tarikh kuat kuasa pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia .

#### **PEMBATALAN**

13. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bil. JPA(S)81/16/3-1/Klt. 2/(17) bertarikh 7 Januari 1994, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1996 dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA SULIT/NP.134/KLT. 9/(16) bertarikh 29 Oktober 2004 adalah dibatalkan.


## PEMAKAIAN

14. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## PENUTUP

15. Apa-apa kemusykilan yang tidak termaktub di dalam pekeling ini berhubung penetapan dan pelarasan gaji kenaikan pangkat, ketua jabatan hendaklah merujuk Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diputuskan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(TAN SRI ISMAIL ADAM)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

20 Ogos 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**CONTOH KAEDAH PENETAPAN  
GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT**

**LAMPIRAN A**



<b>Bil.</b>	<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
A1	Jika gaji akhir di gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat dan perbezaan itu adalah sama dengan atau lebih daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu	1/4
A2	Jika gaji akhir di gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat tetapi perbezaan itu adalah kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu	2/4
A3	Jika gaji akhir di gred terdahulu sama atau lebih tinggi daripada gaji minimum gred kenaikan pangkat	3/4
A4	Jika gaji akhir di gred terdahulu lebih tinggi daripada gaji maksimum P1 di gred kenaikan pangkat	4/4

### CONTOH KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT

Jika gaji akhir di gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat dan perbezaan itu adalah sama dengan atau lebih daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada gaji minimum di gred kenaikan pangkat itu.

**Jawatan: Jurutera Gred J41 Naik Pangkat Ke Gred J44**

Jadual Gaji Matriks Gred J41 (RM)									
	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	...	T23
P1	2088.25	2180.09	2271.93	2363.77	2455.61	<b>2547.45</b>	2639.29	...	4721.03
P2	2184.26	2280.27	2376.28	2472.29	2568.30	2664.31	2760.32	...	5015.88
P3	2284.45	2384.64	2484.83	2585.02	2685.21	2785.40	2885.59	...	5306.79

Jadual Gaji Matriks Gred J44 (RM)									
	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	...	T14
P1	<b>3026.12</b>	3179.19	3332.26	3485.33	3638.40	3791.47	3944.54	...	5016.03
P2	3355.90	3524.27	3692.64	3861.01	4029.38	4197.75	4366.12	...	5544.71

- (a) Gaji gred terdahulu J41 = **2547.45 (P1T6)**
- (b) Satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred J41 =  $(P1T7) - (P1T6)$   
 $(2639.29) - (2547.45) = 91.84$
- (c) Gaji minimum Gred J44 = **3026.12 (P1T1)**
- (d) Perbezaan (c) – (a) =  $[P1T1(J44)] - [P1T6 (J41)]$   
 $(3026.12) - (2547.45) = 478.67$   
*(lebih daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred J41)*
- (e) Penetapan gaji permulaan pegawai = **3026.12 (P1T1)** di Gred J44  
*(Penetapan gaji permulaan pada gaji minimum di gred kenaikan pangkat kerana jumlah perbezaan gaji lebih daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred J41)*

### CONTOH KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT

Jika gaji akhir di gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat tetapi **perbezaan itu adalah kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu**, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada matagaji di gred kenaikan pangkat selepas gaji minimum, supaya perbezaan antara gaji akhir di gred terdahulu dan gaji barunya di gred kenaikan pangkat adalah sama atau tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulunya.

**Jawatan : Pegawai Perubatan Gred U44 Naik Pangkat Ke Gred U48**

Jadual Gaji Matriks Gred U44 (RM)										
	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	...	T14
<b>P1</b>	3028.90	3181.97	3335.04	3488.11	3641.18	3794.25	3947.32	4100.39	...	5018.81
<b>P2</b>	3358.68	3527.05	3695.42	3863.79	4032.16	4200.53	<b>4368.90</b>	4537.27	...	5547.49

Jadual Gaji Matriks Gred U48 (RM)								
	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8
<b>P1</b>	4431.54	<b>4638.87</b>	4846.20	5053.53	5260.86	5468.19	5675.52	5882.85
<b>P2</b>	4871.25	5095.28	5319.31	5543.34	5767.37	5991.40	6215.43	6439.46

- (a) Gaji gred terdahulu U44 = **4368.90 (P2T7)**
- (b) Satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred U44 = (P2T8) – (P2T7)  
 $(4537.27) - (4368.90) = 168.37$
- (c) Gaji minimum Gred U48 = **4431.54 (P1T1)**
- (d) Perbezaan (c) – (a) = [P1T1(U48)] – [P2T7 (U44)]  
 $(4431.54) - (4368.90) = 62.64$   
*(kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred U44)*
- (e) Penetapan gaji permulaan pegawai di Gred U48 = **4638.87 (P1T2)**  
*[Penetapan gaji permulaan pada matagaji selepas gaji minimum di P1T1 iaitu, matagaji tertinggi berhampiran yang mana perbezaan gaji adalah sama atau tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu (RM4368.90 + RM168.37 = RM4537.27)]*

### CONTOH KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT

Jika gaji akhir di gred terdahulu sama atau lebih tinggi daripada gaji minimum gred kenaikan pangkat, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada satu matagaji lebih tinggi berhampiran dengan gaji akhir di gred terdahulu dan perbezaan antara gaji kenaikan pangkat dan gaji akhir di gred terdahulu hendaklah sama atau tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu itu.

**Jawatan: Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 Naik Pangkat Ke Gred N22**

Jadual Gaji Matriks Gred N17 (RM)									
	T1	T2	T3	T4	...	T21	T22	T23	T24
<b>P1</b>	820.38	870.29	920.20	970.11	...	<b>1951.70</b>	2018.25	2084.80	2151.35
<b>P2</b>	871.81	923.24	974.67	1026.10	...	2063.76	2133.34	2202.92	2272.50
<b>P3</b>	924.75	977.69	1030.63	1083.57	...	2180.15	2252.75	2325.35	2397.95
Jadual Gaji Matriks Gred N22 (RM)									
	T1	T2	T3	T4	...	T10	T11	T12	
<b>P1</b>	1915.43	1981.98	<b>2048.53</b>	2115.08	...	2641.42	2739.73	2838.04	
<b>P2</b>	2057.61	2130.21	2202.81	2275.41	...	2919.75	3027.14	3134.53	

- (a) Gaji gred terdahulu N17 = **1951.70 (P1T21)**
- (b) Satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred N17 =  $(P1T22) - (P1T21)$   
 $(2018.25) - (1951.70) = \mathbf{66.55}$
- (c) Gaji minimum di Gred N22 = **1915.43 (P1T1)**  
*(Gaji akhir di gred terdahulu lebih tinggi daripada gaji minimum gred kenaikan pangkat)*
- (d) Jumlah gaji tidak kurang satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu =  $(P1T21) + 66.55$   
 $(1951.70) + 66.55 = \mathbf{2018.25}$
- (e) Gaji permulaan pegawai di Gred N22 = **2048.53 (P1T3)**  
*[Penetapan gaji permulaan pada matagaji tertinggi berhampiran dengan gaji akhir di gred terdahulu yang mana perbezaan gaji adalah sama atau tidak kurang satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu. Matagaji lebih tinggi berhampiran dengan 2018.25 ialah 2048.53 (P1T3)]*

### CONTOH KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT

Jika gaji akhir di gred terdahulu lebih tinggi daripada gaji maksimum P1 di gred kenaikan pangkat, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada P2 tertinggi berhampiran dan perbezaan gaji di antara gaji kenaikan pangkat dan gaji di gred terdahulu hendaklah tidak kurang daripada Satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu itu.

**Jawatan: Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 Naik Pangkat ke Gred N26.**

Jadual Gaji Matriks Gred N22 (RM)								
	T1	T2	T3	T4	...	T10	T11	T12
<b>P1</b>	1915.43	1981.98	2048.53	2115.08	...	2641.42	2739.73	2838.04
<b>P2</b>	2057.61	2130.21	2202.81	2275.41	...	2919.75	<b>3027.14</b>	3134.53
Jadual Gaji Matriks Gred N26 (RM)								
	T1	T2	T3	T4	...	T7	T8	T9
<b>P1</b>	2196.75	2295.06	2393.37	2491.68	...	2786.61	2884.92	2983.23
<b>P2</b>	2406.99	2514.38	2631.77	2729.16	...	3051.33	<b>3158.72</b>	3266.11

- (a) Gaji gred terdahulu N22 = **3027.14 ( P2T11 )**
- (b) Satu Pergerakan Gaji Biasa di Gred N22 = (P2T12) – (P2T11)  
= (3134.53) – (3027.14) = **107.39**
- (c) Gaji maksimum P1 di Gred N26 = **2983.23 ( P1T9 )**  
*(Gaji akhir di gred terdahulu lebih tinggi daripada gaji maksimum P1 di gred naik pangkat)*
- (d) Jumlah gaji tidak kurang satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu = (P2T11) + 107.39  
(3027.14) + 107.39 = **3134.53**
- (e) Penetapan gaji permulaan pegawai di Gred N26 = **3158.72 ( P2T8 )**  
*[Penetapan gaji permulaan pada matagaji tertinggi berhampiran dengan gred terdahulu yang mana perbezaan gaji adalah sama atau tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu. Gaji ditetapkan pada P2 kerana gaji tertinggi berhampiran dengan 3134.53 ialah 3158.72 (P2T8)]*

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI UNTUK  
MENETAPKAN GAJI PERMULAAN  
KENAIKAN PANGKAT**

**LAMPIRAN B**

<b>Bil.</b>	<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
B1	Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Daripada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di Gred Terdahulu - Kes Pegawai Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa	1/6
B2	Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Daripada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di Gred Terdahulu - Kes Pegawai Diluluskan Anjakan Gaji	2/6
B3	Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Daripada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di Gred Terdahulu Dan Gaji Akhir Di Gred Terdahulu Berada Di Matagaji Maksimum (P1)	3/6
B4	Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Daripada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di Gred Terdahulu Dan Gaji Akhir Di Gred Terdahulu Berada Di Matagaji Maksimum(P2)	4/6
B5	Tarikh Kenaikan Pangkat Sama Dengan Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di Gred Terdahulu	5/6
B6	Tarikh Kenaikan Pangkat Selepas Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di Gred Terdahulu	6/6

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI UNTUK MENETAPKAN  
GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT**

**Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Daripada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di  
Gred Terdahulu - Kes Pegawai Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa**

**Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Selepas TPG Di Gred Terdahulu**

**Jawatan : Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M44 dinaikkan pangkat ke Gred M48**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred M44 : 1 Julai  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred M48 : 1 April 2006  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred M48 : 15 November 2006

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	M44 (RM)	M48 (RM)	
31.3.2006	4093.09 (P1T12)	-	Gaji akhir di Gred M44
1.4.2006	4226.19 (P1T13)	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred M48.</b> (Pergerakan gaji di Gred M44 diberi dahulu kerana tarikh kenaikan pangkat ke Gred M48 sebelum TPG Gred M44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa).
1.4.2006	4226.19 (P1T13)	<b>4390.75 (P1T4)</b>	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred M48.</b> Penetapan gaji permulaan di Gred M48. TPG di Gred M48 ialah pada 1 April.
1.7.2006	4226.19 (P1T13)	4390.75 (P1T4)	TPG di Gred M44. (Tiada pergerakan gaji kerana telah diberi dahulu pada tarikh kenaikan pangkat ke Gred M48 pada 1.4.2006)
<b>15.11.2006</b>	<b>4226.19 (P1T13)</b>	<b>4390.75 (P1T4)</b>	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred M48.</b>
1.4.2007	-	4571.04 (P1T5)	TPG di Gred M48. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.7.2007	-	5256.68 (P1T5)	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007



**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI UNTUK MENETAPKAN  
GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT**

**Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Daripada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di  
Gred Terdahulu - Kes Pegawai Diluluskan Anjakan Gaji**

**Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Dikeluarkan Sebelum TPG  
Di Gred Terdahulu**

**Jawatan: Pegawai Penerangan Gred S41 dinaikkan pangkat ke Gred S44**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred S41 : 1 Oktober  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred S44 : 1 Januari 2006  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred S44 : 15 September 2006  
 Tarikh Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) : Tahun 2005 (diluluskan Anjakan Gaji pada tahun 2006)

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	S41 (RM)	S44 (RM)	
31.12.2005	3249.72 (P1T21)	-	Gaji akhir di Gred S41
1.1.2006	3598.20 (P2T22)	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred S44.</b> (Pergerakan gaji di Gred S41 diberi dahulu kerana tarikh kenaikan pangkat ke Gred S44 sebelum TPG Gred S41. Diluluskan Anjakan Gaji di Gred S41 selepas lulus PTK 2005).
1.1.2006	3598.20 (P2T22)	3763.97 (P1T10)	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred S44.</b> Penetapan gaji permulaan di Gred S44. TPG di Gred S44 ialah pada 1 Januari.
15.9.2006	3598.20 (P2T22)	3763.97 (P1T10)	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred S44.</b>
1.10.2006	3598.20 (P2T22)	3763.97 (P1T10)	TPG di Gred S41. (Tiada pergerakan gaji kerana telah diberi dahulu pada tarikh kenaikan pangkat ke Gred S44 pada 1.1.2006)
1.1.2007	-	3894.65 (P1T11)	TPG baru di Gred S44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.7.2007	-	4478.83 (P1T11)	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI UNTUK MENETAPKAN  
GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT**

**Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Daripada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di Gred Terdahulu Dan Gaji Akhir Di Gred Terdahulu Berada Di *Matagaji Maksimum (P1)***

**Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Dikeluarkan  
Sebelum TPG Di Gred Terdahulu**

**Jawatan: Pegawai Perubatan Gred U48 dinaikkan pangkat ke Gred U52**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred U48 : 1 Oktober  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred U52 : 1 Jun 2006  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred U52 : 15 Julai 2006

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	U48 (RM) Maks.	U52 (RM) Maks.	
31.5.2006	5115.54 (P1T8) Maks.	-	Gaji akhir di Gred U48.
1.6.2006	5115.54 (P1T8) Maks.	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred U52.</b> (Tiada pergerakan gaji diberi dahulu di Gred U48 kerana pegawai berada di matagaji maksimum. Pegawai diluluskan Pergerakan Gaji Biasa).
1.6.2006	5115.54 (P1T8) Maks.	<b>5422.88 (P1T7)</b>	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred U52.</b> Penetapan gaji permulaan di Gred U52. TPG di Gred U52 ialah pada 1 April.
<b>15.7.2006</b>	<b>5115.54 (P1T8) Maks.</b>	<b>5422.88 (P1T7)</b>	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred U52.</b>
1.10.2006	5115.54 (P1T8) Maks.	5422.88 (P1T7)	TPG di Gred U48. Tiada pergerakan gaji diberi kerana pegawai berada di matagaji maksimum. Pegawai diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.4.2007	-	5603.17 (P1T8)	TPG di Gred U52. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.7.2007	-	6443.62 (P1T8)	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI UNTUK MENETAPKAN  
GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT**

**Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Daripada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di Gred Terdahulu Dan Gaji Akhir Di Gred Terdahulu Berada Di *Matagaji Maksimum(P2)***

**Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Dikeluarkan  
Selepas TPG Di Gred Terdahulu**

**Jawatan : Penolong Akauntan Gred W32 di naikkan pangkat ke Gred W36**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred W32 : 1 Julai  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred W36 : 1 April 2006  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred W36 : 15 Ogos 2006

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	W32 (RM)	W36 (RM)	
31.3.2006	3131.96 (P2T13) Maks.	-	Gaji akhir Di Gred W32.
1.4.2006	3131.96 (P2T13) Maks.	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred W36.</b> (Tiada pergerakan gaji di Gred W32 diberi dahulu kerana pegawai berada di matagaji maksimum)
1.4.2006	3131.96 (P2T13) Maks.	<b>3294.10 (P1T9)</b>	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred W36.</b> Penetapan gaji permulaan di Gred W36. TPG di Gred W36 ialah pada 1 April.
1.7.2006	3131.96 (P2T13) Maks.	3294.10 (P1T9)	TPG di Gred W32. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di matagaji maksimum.
<b>15.8.2006</b>	<b>3131.96 (P2T13) Maks.</b>	<b>3294.10 (P1T9)</b>	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred W36.</b>
1.4.2007	-	3424.78 (P1T10)	TPG di Gred W36. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.7.2007	-	4280.97 (P1T10)	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI UNTUK MENETAPKAN  
GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT**

**Tarikh Kenaikan Pangkat Sama Dengan Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)  
Di Gred Terdahulu**

**Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Selepas TPG Di Gred Terdahulu**

**Jawatan: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41  
dinaikkan pangkat ke Gred DG44**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred DG41 : 1 Januari  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred DG44 : 1 Januari 2006  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred DG44 : 20 Oktober 2006  
 Tarikh Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) : Tahun 2005 (diluluskan Anjakan Gaji pada tahun 2006).

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	DG41 (RM)	DG44 (RM)	
31.12.2005	3125.09 (P1T20)	-	Gaji akhir di Gred DG41.
1.1.2006	3468.73 (P2T21)	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred DG44 dan TPG di Gred DG41. Diluluskan Anjakan Gaji selepas lulus PTK tahun 2005.</b>
1.1.2006	3468.73 (P2T21)	<b>3639.34 (P1T9)</b>	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred DG44. Penetapan gaji permulaan Gred DG44. TPG di Gred DG44 ialah pada 1 Januari.</b>
<b>20.10.2006</b>	<b>3468.73 (P2T21)</b>	<b>3639.34 (P1T9)</b>	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred DG44.</b>
1.1.2007	-	3770.02 (P1T10)	TPG di Gred DG44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.7.2007	-	4335.51 (P1T10)	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI UNTUK MENETAPKAN  
GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT**

**Tarikh Kenaikan Pangkat Selepas Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Di Gred Terdahulu**

**Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Dikeluarkan Selepas TPG  
Di Gred Terdahulu**

**Jawatan : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 dinaikkan pangkat ke Gred DG44**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred DG41 : 1 Januari  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred DG44 : 1 Mac 2006  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat ke Gred DG44 : 1 Julai 2006  
 Tarikh Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) : Tahun 2005 (diluluskan Anjakan Gaji pada tahun 2006).

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	DG41 (RM)	DG44 (RM)	
31.12.2005	2863.73 (P1T18)	-	Gaji akhir di Gred DG41.
1.1.2006	3197.69 (P2T19)	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred DG44 dan TPG di Gred DG41. Diluluskan Anjakan Gaji selepas lulus PTK tahun 2005.</b>
1.3.2006	3197.69 (P2T19)	<b>3377.98 (P1T7)</b>	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred DG44. Penetapan gaji permulaan Gred DG44. TPG di Gred DG44 ialah pada 1 Januari.</b>
1.7.2006	<b>3197.69 (P2T19)</b>	<b>3377.98 (P1T7)</b>	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred DG44.</b>
1.1.2007	-	3508.66 (P1T8)	TPG di Gred DG44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.7.2007	-	4034.95 (P1T8)	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI  
BERIKUTAN TARIKH KUAT KUASA KENAIKAN  
PANGKAT DIKEBELAKANGKAN**

**LAMPIRAN C**

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT  
DIKEBELAKANGKAN**

**Contoh 1: Tarikh kenaikan pangkat sebelum tarikh pergerakan gaji di gred terdahulu.  
(Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma Gred DGA32  
dinaikkan pangkat ke Gred DGA34)**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred DGA32 : 1 Oktober  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred DGA34 : 1 Januari 2005  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat : 1 Disember 2006  
 ke Gred DGA34  
 Tarikh Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) : Tahun 2004 ( diluluskan Anjakan  
 Gaji pada tahun 2005).

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	DGA32 (RM)	DGA34 (RM)	
31.12.2004	2562.05 (P1T9)	-	Gaji akhir di Gred DGA32.
1.1.2005	2874.23 (P2T10)	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred DGA34.</b> (Pergerakan gaji di Gred DGA32 diberi dahulu kerana tarikh kenaikan pangkat ke Gred DGA34 sebelum TPG di Gred DGA32. Diluluskan Anjakan Gaji setelah lulus PTK pada tahun 2004).
1.1.2005	2874.23 (P2T10)	<b>3002.49 (P2T6)</b>	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred DGA34.</b> Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat di Gred DGA34. TPG di gred DGA34 ialah pada 1 Januari.
1.10.2005	2960.14 (P2T11)	<b>3002.49 (P2T6)</b>	TPG di Gred DGA32 tetapi tiada pergerakan gaji kerana pergerakan gaji telah diberi pada tarikh kenaikan pangkat ke Gred DGA34.
1.1.2006	2960.14 (P2T11)	3088.40 (P2T7) Maks.	TPG di Gred DGA34. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	DGA32 (RM)	DGA34 (RM)	
1.10.2006	2874.23 (P2T10)	3088.40 (P2T7) Maks.	TPG di Gred DGA32. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.12.2006	2874.23 (P2T10)	3088.40 (P2T7) Maks.	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred DGA34.</b>
1.1.2007	-	3088.40 (P2T7) Maks.	TPG di Gred DGA34. Tiada pergerakan gaji kerana telah berada di matagaji maksimum.
1.7.2007	-	3860.52 (P2T7) Maks.	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.



**Contoh 2: Tarikh kenaikan pangkat selepas tarikh pergerakan gaji di gred terdahulu.  
(Pegawai Perubatan Gred U48 ke Gred U52)**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred U48 : 1 Januari  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred U52 : 3 Mac 2005  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat ke Gred U52 : 20 Disember 2006  
 Tarikh Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) : Tahun 2004 ( diluluskan Anjakan Gaji pada tahun 2005).

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	U48 (RM)	U52 (RM)	
1.1.2005	5404.73 (P2T7)	-	TPG Gred U48. Diluluskan Anjakan Gaji setelah lulus PTK pada tahun 2004.
2.3.2005	5404.73 (P2T7)	-	Gaji akhir di Gred U48.
3.3.2005	5404.73 (P2T7)	<b>5603.17 (P1T8) Maks</b>	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred U52.</b> Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat di Gred U52. TPG di Gred U52 ialah pada 1 Januari.
1.1.2006	5599.54 (P2T8) Maks.	<b>5603.17 (P1T8) Maks.</b>	TPG di Gred U48 dan di Gred U52. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
20.12.2006	-	<b>5603.17 (P1T8) Maks.</b>	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred U52.</b>
1.1.2007	-	5603.17 (P1T8) Maks.	TPG Gred U52. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa
1.7.2007	-	6443.62 (P1T8) Maks.	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.

**CONTOH KAEDAH MENGATASI KEKURANGAN  
GAJI BERIKUTAN TARIKH KUAT KUASA  
KENAIKAN PANGKAT DIKEBELAKANGKAN**

**LAMPIRAN D**

<b>Bil.</b>	<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
D1	Kaedah Mengatasi Kekurangan Gaji Di Gred Kenaikan Pangkat	1/7
D2	Kaedah Mengatasi Kekuangan Gaji Di Gred Kenaikan Pangkat_Dan Gaji Di P1 Tidak Dapat Menampung Kekurangan Gaji	4/7

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT DIKEBELAKANGKAN  
(Kaedah Mengatasi Kekurangan Gaji Di Gred Kenaikan Pangkat)**

**Contoh 1:**

**Jawatan:** Penguasa Polis Gred YY20 dinaikkan pangkat ke Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YY22

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred YY20 : 1 Januari  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred YY22 : 1 Disember 2005  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat Ke Gred YY22 : 13 September 2006  
 Tarikh Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) : Tahun 2005 (diluluskan Anjakan Gaji pada tahun 2006)

Tarikh	Gred / Gaji		Penyelesaian YY22 (RM)	Catatan
	YY20 (RM)	YY22 (RM)		
30.11.2005	4347.50 (P1T6)	-	-	Gaji akhir di Gred YY20.
1.12.2005	4347.50 (P1T6)	<b>4624.58</b> (P1T3)	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred YY22.</b> Penetapan gaji permulaan di Gred YY22. TPG Gred YY22 ialah pada 1 Oktober.
1.1.2006	<b>4827.87</b> (P2T7)	4624.58 (P1T3)	<b>4985.16</b> (P1T5)	TPG di Gred YY20. Diluluskan Anjakan Gaji. <i>(Pelarasan gaji di matagaji Gred YY22 berasaskan prinsip sama atau tertinggi berhampiran dengan amaun gaji di Gred YY20 supaya gaji di Gred YY22 sama atau lebih tinggi daripada gaji di Gred YY20).</i>
13.9.2006	<b>4827.87</b> (P2T7)	<b>4624.58</b> (P1T3)	<b>4985.16</b> (P1T5)	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred YY22 pada 1.12.2005.</b>
1.10.2006	-	-	5165.45 (P1T6) Maks.	TPG di Gred YY22. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.1.2007	-	-	5165.45 (P1T6) Maks.	TPG di Gred YY20. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.7.2007	-	-	6095.22 (P1T6) Maks.	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2007.

**Contoh 2:****Jawatan: Jurutera Gred J48 dinaikkan pangkat ke Gred J52**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred J48 : 1 Oktober  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred J52 : 1 Februari 2005  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat ke Gred J52 : 1 Jun 2006  
 Tarikh Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) : Tahun 2005 (diluluskan Anjakan Gaji pada tahun 2006).

Tarikh	Gred / Gaji		Penyelesaian J52 (RM)	Catatan
	J48 (RM)	J52 (RM)		
31.1.2005	4572.25 (P1T5)	-	-	Gaji akhir di Gred J48.
1.2.2005	4752.54 (P1T6)	-	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred J52.</b> <i>(Pergerakan gaji di Gred J48 diberi dahulu kerana tarikh kenaikan pangkat ke Gred J52 sebelum TPG J48. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa).</i>
1.2.2005	4752.54 (P1T6)	<b>5059.88 (P1T5)</b>	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred J52.</b> Penetapan gaji permulaan di Gred J52. TPG di Gred J52 ialah pada 1 Januari.
1.10.2005	4752.54 (P1T6)	5059.88 (P1T5)	-	TPG Gred J48. Tiada pergerakan gaji kerana telah diberi dahulu pada tarikh kenaikan pangkat.
1.1.2006	4752.54 (P1T6)	5240.17 (P1T6)	-	TPG di Gred J52. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.6.2006	<b>4,752.54 (P1T6)</b>	<b>5240.17 (P1T6)</b>	-	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan Pangkat ke Gred J52 (dikebelakangkan mulai 1 Februari 2005).</b>

Tarikh	Gred / Gaji		Penyelesaian J52 (RM)	Catatan
	J48 (RM)	J52 (RM)		
1.10.2006	5402.31 (P2T7)	5240.17 (P1T6)	<b>5420.46</b> (P1T7)	TPG Gred J48. Diluluskan Anjakan Gaji. <i>(Pelarasan gaji di matagaji Gred J52 berasaskan prinsip sama atau tertinggi berhampiran dengan amaun gaji di Gred J48 supaya gaji di Gred J52 sama atau lebih tinggi daripada gaji di Gred J48).</i>
1.1.2007	5402.31 (P2T7)	-	5600.75 (P1T8) Maks.	TPG di Gred J52. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.7.2007	6212.64 (P2T7)	-	6440.84 (P1T8) Maks.	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.

**CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT DIKEBELAKANGKAN  
(Kaedah Mengatasi Kekurangan Gaji Di Gred Kenaikan Pangkat  
Dan Gaji Di P1 Tidak Dapat Menampung Kekurangan Gaji)**

**Contoh 1:**

**Jawatan:** Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 dinaikkan pangkat ke Gred DG44

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred DG41 : 1 Julai  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred DG44 : 1 Januari 2004  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat : 30 Ogos 2005  
 ke Gred DG44

Tarikh Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK): Tahun 2004 (diluluskan Anjakan Gaji pada tahun 2005)

Tarikh	Gred / Gaji		Penyelesaian DG44 (RM)	Catatan
	DG41 (RM)	DG44 (RM)		
31.12.2003	3875.29 (P2T24)	-	-	Gaji akhir di Gred DG41
1.1.2004	4010.81 (P2T25)	-	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred DG44.</b> Pergerakan gaji di Gred DG41 diberi dahulu kerana tarikh kenaikan pangkat ke Gred DG44 sebelum TPG di Gred DG41. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.1.2004	4010.81 (P2T25)	<b>4162.06 (P1T13)</b>	-	Tarikh kenaikan pangkat ke Gred DG44. Penetapan gaji permulaan Gred DG44. TPG Gred DG44 ialah pada 1 Januari.
1.7.2004	4010.81 (P2T25)	4162.06 (P1T13)	-	TPG di Gred DG41. Tiada pergerakan gaji kerana telah diberi dahulu pada tarikh kenaikan pangkat.
1.1.2005	4010.81 (P2T25)	<b>4292.74 (P1T14) Maks.</b>	-	TPG di Gred DG44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.

Tarikh	Gred / Gaji		Penyelesaian DG44 (RM)	Catatan
	DG41 (RM)	DG44 (RM)		
1.7.2005	<b>4402.85</b> <b>(P3T26)</b>	4292.74 (P1T14) Maks.	<b>4428.26</b> <b>(P2T12)</b>	TPG di Gred DG41. Di luluskan Anjakan Gaji. <i>(Pelarasan gaji di matagaji Gred DG44 berasaskan prinsip sama atau tertinggi berhampiran dengan amaun gaji di Gred DG41 supaya gaji di Gred DG44 sama atau lebih tinggi daripada gaji di Gred DG41).</i>
30.8.2005	<b>4402.85</b> <b>(P3T26)</b>	<b>4292.74</b> <b>(P1T14)</b> Maks.	<b>4428.26</b> <b>(P2T12)</b>	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred DG44 (dikebelakangkan mulai 1.1.2004).</b>
1.1.2006	4402.85 (P3T26)	-	4569.83 (P2T13)	TPG di Gred DG44. Di luluskan Pergerakan Gaji Biasa.



**Contoh 2 :****Jawatan: Pegawai Sains Gred C41 dinaikkan pangkat ke Gred C44**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred C41 : 1 Januari  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred C44 : 16 Disember 2005  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat ke Gred C44 : 11 November 2006  
 Tarikh Lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) : Tahun 2004 (diluluskan Anjakan Gaji pada tahun 2005).

Tarikh	Gred / Gaji		Penyelesaian C44 (RM)	Catatan
	C41 (RM)	C44 (RM)		
15.12.2005	4070.10 (P2T25)	-	-	Gaji akhir di Gred C41
16.12.2005	4070.10 (P2T25)	4226.19 (P1T13)	-	<b>Tarikh kenaikan pangkat ke Gred C44.</b> Penetapan gaji permulaan Gred C44. TPG Gred C44 ialah pada 1 Oktober
1.1.2006	4453.67 (P3T26)	4226.19 (P1T13)	4480.29 (P2T12)	TPG di Gred C41. Diluluskan Anjakan Gaji. <i>(Pelarasan gaji di matagaji Gred C44 berasaskan prinsip sama atau tertinggi berhampiran dengan amaun gaji di Gred C41 supaya gaji di Gred C44 sama atau lebih tinggi daripada gaji di Gred C41).</i>
1.10.2006	4453.67 (P3T26)	4359.29 (P1T14) Maks.	4623.07 (P2T13)	TPG di Gred C44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
16.11.2006	4453.67 (P3T26)	4359.29 (P1T14) Maks.	4623.07 (P2T13)	<b>Tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat ke Gred C44.</b> (dikebelakangkan mulai 16.12.2005).

Tarikh	Gred / Gaji		Penyelesaian C44 (RM)	Catatan
	C41 (RM)	C44 (RM)		
1.1.2007	4596.45 (P3T27) Maks.	-	4623.07 (P2T13)	TPG di Gred C41. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa. <i>(Walau bagaimanapun gaji di Gred C41 tidak mengatasi gaji di Gred C44).</i>
1.7.2007	5285.98 (P3T27) Maks.	-	5316.57 (P2T13)	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.
1.10.2007	5285.98 (P3T27) Maks.	-	5480.77 (P2T14) Maks.	TPG di Gred C44. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.

**CONTOH KAEDAH MENGATASI KEKURANGAN  
GAJI BERIKUTAN KENAIKAN PANGKAT  
DI BAWAH SISTEM SARAAN BARU  
DAN SURAT PENYIARAN DIKELUARKAN  
DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

**LAMPIRAN E**

**CONTOH KAEDAH MENGATASI KEKURANGAN GAJI BERIKUTAN KENAIKAN  
PANGKAT DI BAWAH SISTEM SARAAAN BARU DAN SURAT PENYIARAN  
DIKELUARKAN DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

**Jawatan: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG2/DG48  
Ke Gred DG1/DG54**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred DG2/DG48 : 1 Julai  
 Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred DG1/DG54 : 16 April 2002  
 Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat : 1 Mei 2003

Tarikh	Gred / Gaji		Penyelesaian DG1/54 (RM)	Catatan
	DG2/48 (RM) Maks.	DG1/54 (RM)		
1.1.2002	5009.40 (P2T7) Maks.	-	-	Gaji akhir di Gred DG2
16.4.2002	5009.40 (P2T7) Maks.	5193.32 (P1T5)	-	Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat ke Gred DG1. Penetapan gaji permulaan di Gred DG1. TPG Gred DG1 ialah pada 1 April.
1.7.2002	5009.40 (P2T7) Maks.	5193.32 (P1T5)	-	TPG di Gred DG2. Diluluskan Pergerakan Gaji Secara Mendatar.
1.11.2002	5244.14 (P3T7) Maks.	5193.32 (P1T5)	-	Pengubahsuaian Jadual Gaji Matriks Sistem Saraan Malaysia.
1.11.2002	<b>5309.14 (P2T7)</b>	5258.32 (P1T5)	<b>5454.34 (P1T6)</b>	Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia. (Pelarasan gaji ke matagaji yang sama atau tertinggi berhampiran di Gred DG54 dengan matagaji di Gred DG48 kerana pegawai mengalami kerugian gaji).

Tarikh	Gred / Gaji		Penyelesaian DG1/54 (RM)	Catatan
	DG2/48 (RM)	DG1/54 (RM)		
1.1.2003	<b>5500.32</b> <b>(P2T8)</b> <b>Maks.</b>	5258.32 (P1T5)	<b>5650.36</b> <b>(P1T7)</b>	<p>Pelarasan gaji ke matagaji yang sama atau tertinggi berhampiran di Gred DG54 dengan matagaji di Gred DG48 kerana pegawai mengalami kerugian gaji.</p> <p>Pergerakan Gaji Tahunan Gred DG48 berubah kepada 1 Januari kerana pegawai telah berada di matagaji maksimum melebihi satu tahun.</p>
1.4.2003	5500.32 (P2T8) Maks.	5454.34 (P1T6)	5846.38 (P1T8) Maks.	TPG di Gred DG54. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.
1.5.2003	<b>5500.32</b> <b>(P2T8)</b> <b>Maks.</b>	<b>5454.34</b> <b>(P1T6)</b>	<b>5846.38</b> <b>(P1T8)</b> <b>Maks.</b>	<b>Tarikh Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat ke Gred DG1 (dikebelakangkan mulai 16.4.2002)</b>
1.1.2004	5500.32 (P2T8) Maks.	5454.34 (P1T6)	5846.38 (P1T8) Maks.	TPG di Gred DG48. Tiada pergerakan gaji kerana telah berada di matagaji maksimum.
1.4.2004	5500.32 (P2T8) Maks.	5650.36 (P1T7)	5846.38 (P1T8) Maks.	TPG di Gred DG54. Tiada pergerakan gaji kerana telah berada di matagaji maksimum P1.
31.12.2004	5500.32 (P2T8) Maks.	5650.36 (P1T7)	5846.38 (P1T8) Maks.	Tarikh akhir tempoh pelarasan gaji bagi mengambilkira amaun gaji di gred terdahulu <b>sekiranya</b> amaun tersebut mengatasi amaun gaji di gred kenaikan pangkat.